

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 18.10.2016

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan inisiatif pengumpulan data berdasarkan nisbah 90:10 di peringkat negeri Sabah bagi merealisasikan matlamat untuk melantik 90% anak-anak Sabah sebagai guru dalam tempoh tiga tahun telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan dasar 90 peratus guru di Sabah dalam kalangan anak kelahiran Sabah adalah dalam jangka masa tiga (3) tahun iaitu mulai tahun 2016 hingga tahun 2013. Pelan tindakan bagi mencapai sasaran tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan penempatan guru baharu mengikut negeri kelahiran Sabah;
- ii. pertukaran guru sedia ada kelahiran Sabah ke negeri kelahiran;
- iii. pertukaran guru sedia ada di Sabah yang bukan kelahiran Sabah ke Semenanjung Malaysia;

- iv. pengambilan guru baharu dalam kalangan graduan Fakulti Pendidikan IPTA kelahiran Sabah; dan
- v. pengambilan guru baharu kelahiran Sabah secara pasaran terbuka (*open market*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Oktober 2016 status pencapaian dasar tersebut bagi negeri Sabah ialah 82 peratus.

RJM06